

For immediate release

## PRESS STATEMENT

### **Special Cabinet Committee on National Governance's (JKKTN) institutional reform commitments are an important step forward for Malaysia's overall democratic maturity**

**Kuala Lumpur, 20 September 2023:** The slew of institutional reforms announced by the Special Cabinet Committee on National Governance (JKKTN) on 14 September 2023 present a significant opportunity for Malaysia to improve governance in various aspects.

"Committing to drafting a Government Procurement Act (GPA) that prioritises transparency through a complaint and review mechanism is a positive step. However, this is a minimum requirement due to Malaysia's accession to the CPTPP. In addition to establishing the required review procedure, the government must align the law with international benchmarks such as UNCITRAL Model Law on Public Procurement and adopt international disclosure standards and the Open Contracting Data Standards, to stem corruption," said Alissa Rode, Manager of the Public Finance Unit, IDEAS.

There are several flaws in Malaysia's current procurement system. "Firstly, the current mechanism discloses only the winning bidder and its costs, which is not sufficient for effective accountability. There should also be disclosure throughout the life of the contract, such as when price changes or modifications occur. These disclosures would provide information for better check and balance," said Alissa Rode.

Secondly, discretionary power to allow direct negotiation should be abolished. In the event that direct or competitive negotiation is necessary, the reasons should be disclosed and justified publicly prior to the award. "For sensitive defence contracts, the government should still ensure sufficient oversight despite the need for secrecy, which can be achieved through mandatory reporting to a Parliamentary Special Select Committee".

In addition, IDEAS welcomes the government's commitment to review the existing legal framework of the subsidiaries to statutory bodies to ensure that it is more aligned with the principles of good governance. To achieve this, the government should consider best practices derived from the OECD Guidelines on Corporate Governance of State Owned Enterprises.

"Two aspects need to be adhered to: observing high standards of transparency and conducting an appointment process that is transparent and professional. Statutory bodies should be subject to a higher standard of public disclosure, compliance, and oversight," said Alissa.

Furthermore, there is a need for a more transparent and merit-based appointment process for directors, as there are no strict qualitative requirements at present. Our data from [Pantau Kuasa](#) showed that there were 238 political appointments across 72 federal statutory bodies under the previous administration, not including political appointments in GLCs. These reforms are needed to reduce potential abuses and conflicts of interest, as well as risks of wastage and inefficient operations in the companies, all of which serve the public interest. For more recommendations, refer to IDEAS and Bersih's policy paper "Reforming The Appointment Process of Directors in GLICs, GLCs and Commercially Related Statutory Bodies."

None of these proposed reforms would be effective unless the right to information is guaranteed. This is why the JKKTN's commitment to enacting a Freedom of Information (FOI) Act is crucial. "Only with an FOI in place can citizens meaningfully scrutinise government actions, including how our money is spent. Lastly, the commitment to amend the Official Secrets Act (OSA) is crucial, not only for enabling better access to information, but for the health of our democracy more generally. With the FOI in place and a less restrictive OSA, I am hopeful that open, transparent governance will become a norm rather than an exception in Malaysia," ends Alissa.

IDEAS also calls for a period of public consultation on the actual wording of these reform bills before they are tabled. In the spirit of prioritising transparency, it is necessary to ensure sufficient opinions and stakeholder engagement are obtained.

--- END ---

**For enquiries, please contact:**

Aira Azhari  
Senior Manager  
Democracy and Governance Unit  
[aira@ideas.org.my](mailto:aira@ideas.org.my)

**About IDEAS**

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).

Untuk siaran segera

## KENYATAAN MEDIA

### **Komitmen pembaharuan institusi Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tata Kelola Nasional (JKKTN) satu langkah penting ke hadapan untuk kematangan demokrasi Malaysia**

**Kuala Lumpur, 20 September 2023:** Reformasi institusi yang diumumkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tata Kelola Nasional (JKKTN) pada 14 September 2023 memberikan peluang besar kepada Malaysia untuk menambah baik tadbir urus dalam pelbagai aspek.

“Komitmen merangka Akta Perolehan Kerajaan (GPA) yang mengutamakan ketelusan melalui mekanisme aduan dan semakan adalah satu langkah positif. Walau bagaimanapun, hal ini adalah keperluan minimum penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Komprehensif dan Progresif Trans-Pasifik (CPTPP). Di samping mewujudkan prosedur semakan yang diperlukan, kerajaan mesti menyelaraskan undang-undang dengan penanda aras antarabangsa seperti seperti *UNCITRAL Model Law on Public Procurement* dan menggunakan piawaian dedahan antarabangsa dan Piawaian Data Kontrak Terbuka, untuk membendung rasuah,” kata Alissa Rode, Pengurus Unit Kewangan Awam, IDEAS.

Terdapat beberapa kelemahan dalam sistem perolehan semasa Malaysia. “Pertama, mekanisme semasa hanya mendedahkan pembida yang menang dan kosnya, sesuatu yang tidak mencukupi untuk kebertanggungjawaban yang berkesan. Perlu juga ada pendedahan sepanjang kontrak berjalan, seperti apabila perubahan harga atau pengubahsuaian berlaku. Pendedahan ini akan memberikan maklumat untuk semak dan imbang yang lebih baik,” kata Alissa Rode.

Kedua, kuasa budi bicara untuk membenarkan rundingan terus harus dimansuhkan. Sekiranya rundingan terus atau kompetitif diperlukan, sebab-sebabnya hendaklah didedahkan dan diberikan justifikasi secara terbuka sebelum penganugerahan kontrak. “Bagi kontrak pertahanan yang sensitif, kerajaan masih perlu memastikan pengawasan yang mencukupi walaupun memerlukan kerahsiaan, yang boleh dicapai melalui pelaporan mandatori kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen”.

Selain itu, IDEAS mengalu-alukan komitmen kerajaan untuk mengkaji semula rangka kerja perundangan sedia ada anak-anak syarikat kepada badan berkanun bagi memastikan ia lebih sejajar dengan prinsip tadbir urus yang baik. Untuk mencapai matlamat ini, kerajaan harus mempertimbangkan amalan terbaik yang diambil daripada Garis Panduan OECD mengenai Tadbir Urus Korporat Perusahaan Milik Negara.

“Terdapat dua aspek yang perlu dipatuhi: mematuhi piawaian ketelusan yang tinggi dan menjalankan proses pelantikan yang telus dan profesional. Badan berkanun harus tertakluk kepada piawaian dedahan awam, pematuhan dan pengawasan yang lebih tinggi,” kata Alissa.

Tambahan pula, terdapat keperluan untuk proses pelantikan pengarah yang lebih telus dan berasaskan merit, kerana tiada keperluan kualitatif yang ketat pada masa ini. Data [Pantau Kuasa](#) kami menunjukkan terdapat 238 pelantikan politik merentasi 72 badan berkanun persekutuan di bawah pentadbiran terdahulu, tidak termasuk pelantikan politik dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Pembaharuan ini diperlukan untuk mengurangkan potensi penyalahgunaan dan konflik kepentingan, serta risiko pembaziran dan operasi yang tidak cekap dalam syarikat, yang kesemuanya berkhidmat untuk kepentingan awam. Sila rujuk kertas dasar IDEAS dan Bersih, "*Reforming The Appointment Process of Directors in GLICs, GLCs and Commercially Related Statutory Bodies*" untuk meneliti cadangan-cadangan lain.

Tiada satu pun daripada pembaharuan yang dicadangkan ini akan berkesan melainkan hak untuk mendapatkan maklumat dijamin. Itulah sebabnya komitmen JKTN untuk menggubal Akta Kebebasan Maklumat (FOI) adalah penting. "Hanya dengan adanya FOI ini, rakyat boleh meneliti tindakan kerajaan, termasuk bagaimana wang kita dibelanjakan. Akhir sekali, komitmen untuk meminda Akta Rahsia Rasmi (OSA) adalah penting, bukan sahaja untuk membolehkan akses yang lebih baik kepada maklumat, tetapi untuk kesihatan demokrasi kita secara amnya. Dengan terlaksananya FOI malah OSA yang kurang membataskan, saya berharap tadbir urus yang terbuka dan telus akan menjadi satu norma dan bukannya pengecualian di Malaysia," kata Alissa mengakhiri ulasan.

IDEAS juga menyeru satu tempoh perundingan awam mengenai perumusan sebenar rang undang-undang pembaharuan ini sebelum ia dibentangkan. Bertunjangkan semangat mengutamakan ketelusan, adalah perlu untuk memastikan kerajaan memperoleh pandangan dan penglibatan pihak berkepentingan yang mencukupi.

-- TAMAT --

**Sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

Aira Azhari  
Pengurus Kanan  
Unit Demokrasi dan Tadbir Urus  
[aira@ideas.org.my](mailto:aira@ideas.org.my)

**Tentang IDEAS**

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).